

Newspaper
Date

Berita Harian
22 March 2016

Najib seru umat Islam mantapkan ukhuwah

Putrajaya: Datuk Seri Najib Razak menyeru umat Islam di negara ini agar memantapkan ukhuwah dan mengukuhkan lagi silaturahmi sesama mereka.

Perdana Menteri berkata, ukhuwah itu penting memandangkan umat Islam hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran yang menyentuh aspek akidah, perpaduan ummah, pendidikan Islam, kekeluargaan, sosial, politik dan ekonomi.

“Kita perlu memiliki sikap berlapang dada dalam menangani perbezaan pendapat. Janganlah kerana perkara kecil, titik bengit atau khilafiah, kita berbalah sehingga berlaku permusuhan, kebencian dan menaruh prasangka serta label yang tidak sepatutnya antara umat Islam.

“Dalam erti kata lain, Islam membenarkan kita berbeza pendapat, menyuarakan pandangan dan juga bantahan, tetapi haruslah ada adabnya serta mestilah

konsisten, khususnya dalam memelihara perpaduan sesama Islam.

“Matlamat kita untuk membentulkan yang biasa dan membiasakan yang betul juga mestilah datang dengan pakej dan kaedah yang betul. Bersekongkol dengan orang yang anti-Islam itu cara tidak betul dan ditegah agama, keadaan ini akan hancurkan Islam itu sendiri,” katanya berucap sempena Majlis Perasmian Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-59 di sini, malam tadi.

30 peserta sertai program

Seramai 30 peserta yang diwakili oleh 14 orang qari dan 14 qariah dari setiap negeri, termasuk johan qari dan qariah edisi tilawah tahun lalu iaitu Wan Ainuddin Hilmi Abdullah (Kelantan) dan Siti Husna Hassan (Pahang) akan memperdengarkan bacaan masing-masing bermula malam ini



Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor hadir pada **Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-59** di Putrajaya, malam tadi. Yang turut hadir, Ahmad Zahid. [FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

sehingga Sabtu ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor

dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Dalam pada itu, Najib berkata, kerajaan tidak pernah menutup pintu kerjasama atau rundingan

dengan mana-mana individu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mahu pun parti politik demi mencapai persefahaman sesama umat Islam.

“Kerajaan juga tidak pernah

BH - 22/3/2016